

18 peserta tamatkan latihan persilatan

'Tanjak hitam' untuk lapan bukan Melayu

TIDAK kenal maka tidak cinta. Apabila cinta sudah bertunas di dalam hati, maka hasrat untuk mendekatinya semakin meluap. **RENKATE SILAT.**

Inilah yang dirasa oleh lapan orang peserta bukan Melayu dari Perkumpulan Selayang Pandang yang telah tamat latihan persilatan mereka baru-baru ini di bawah asuhan tiga orang jurulatih.

Mereka adalah antara 18 orang yang dianugerahkan tanjak hitam berilait jalur kuning sebagai tanda tamat latihan. **12 MAR 1986**

Tanjak itu dipakailah kepada seorang demi seorang oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurus Balai Rakyat Kampong Kembangan, Encik Teo Juay Kiang, dalam satu upacara sederhana di balai itu, di Jalan Lapang, pada petang Ahad lalu.

Walaupun masing-masing mempunyai sebab-sebab yang berbeza bila mempelajari seni silat, namun pada dasarnya kelebnutan pergerakan dan rasa ingin tahu akan kebudayaan Melayu menjadi pendorong utama.

Dinesh-Raj Naidu, 16 tahun, berkata: "Saya belajar seni silat kerana mahu kan kelainan dalam seni mempertahankan diri. Secara kebetulan, Encik Dzulkarnain Noordin pernah mengajar saya di Sekolah Menengah Mayflower dulu.

"Beliau juga adalah jurulatih kami apabila ramai pelajar membentuk kumpulan untuk belajar seni itu di sekolah.

"Tambahan pula, saya ingin tahu tentang kebudayaan Melayu. Seni silat adalah salah satu cabang seni budaya orang-orang Melayu. Jadi, dengan terus mempelajari seni silat sejak di sekolah tahun lalu, saya akan mengetahui lebih dekat permainan tersebut dan juga serba-sedikit mengenai kebudayaan orang-orang Melayu.

Ini mungkin aneh kerana-



● Pengerusi Jawatankuasa Pengurus Balai Rakyat Kampong Kembangan, Encik Teo Juay Kiang, sedang memakaikan tanjak kepada peserta Mohd Zaini Nani. — Gambar BH oleh Aziz H.